

BN Sabah 'serius' melakukan terbaik untuk negeri tersebut
Malaysian Insider
04 Oktober, 2012
Oleh Ida Lim

KUALA LUMPUR, 4 Okt — Kerajaan Barisan Nasional (BN) Sabah "serius" dan melakukan yang "terbaik" untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh rakyat negeri tersebut termasuk isu pendatang tanpa izin, kata setiausaha BN negeri, Datuk Abdul Rahman Dahlan.

Tinjauan yang dilakukan oleh Merdeka Center menyaksikan hanya 54 peratus daripada pengundi yang ditinjau September lalu merasakan BN sedang berada di landasan betul berbanding 66 peratus pada November 2009. Akan tetapi menurut Abdul Rahman, tinjauan tersebut tidak akan mempengaruhi kedudukan dalam pilihan raya akan datang.

"Rakyat mempunyai kebimbangan, tetapi saya fikir apabila mereka pergi mengundi, ia tidak hanya isu ekonomi sahaja yang difikirkan, ia juga tentang kepimpinan, ia juga tentang sama ada kerajaan dari pembangkang akan menjadi lebih baik untuk menguruskan ekonomi atau tidak," kata beliau kepada The Malaysian Insider.

Satu kajian Merdeka Center yang dikeluarkan pada hari Selasa lalu menunjukkan bahawa atas lima sebab-sebab penurunan termasuk isu pendatang tanpa izin, rasa tidak puas hati dengan kepimpinan politik, kos hidup tinggi, dan persepsi "bahawa Sabah masih" ketinggalan" dalam pembangunan ekonomi dan infrastruktur.

"Lihat, kita cuba untuk menyelesaikan isu-isu. Perbezaan antara kami dan pembangkang adalah kita memahami isu-isu, kita mengakui isu-isu dan kita cuba untuk melakukan yang terbaik untuk menyelesaikan isu-isu," kata Abdul Rahman.

"Kita tahu apa masalahnya, orang bimbang tentang isu-isu ekonomi, itulah sebabnya Bajet kami dibuat untuk khusus menangani isu-isu," katanya.

"Malah tentang itu PTI (pendatang tanpa izin), RCI sudah ada, itulah apa yang mereka mahu. Jadi ianya sudah ada, ia akan mengambil masa tetapi kita akan menangani ia, itu yang paling penting," kata Abdul Rahman, sambil menambah mereka menyokong "sepenuhnya" RCI.

Isu pendatang haram adalah isu yang paling penting bagi 53 peratus daripada pengundi yang ditinjau di Sabah.

Pembangkang negeri telah mendakwa bahawa kerajaan BN di Sabah telah memberikan kerakyatan kepada warga asing sebagai pertukaran untuk undi bagi membantu mereka terus berkuasa.

"Kepimpinan politik tidak bermakna hanya kerajaan, kan? Semua pemimpin-pemimpin kita, Anwar Ibrahim juga adalah seorang pemimpin politik, walaupun beliau dari pembangkang," kata Abdul Rahman ketika mengulas tentang rasa tidak puas hati pengundi dengan kepimpinan politik.

Ahli parlimen Kota Belud itu juga mencadangkan "kesuraman" ekonomi dunia telah menyebabkan penurunan dalam tinjauan yang dilakukan oleh Merdeka Center.

"Masa adalah sukar di seluruh dunia, di seluruh dunia ekonomi buruk, orang yang suram ... ia memberi kesan kepada kita atau yang lain ..." katanya, sambil menambah bahawa Sabah "tidak terkecuali".

"Tetapi secara keseluruhan, di seluruh dunia, orang-orang sedikit bimbang tentang masa depan, mengenai ekonomi jadi ia bukan hanya Sabah."

Seorang lagi pemimpin BN Sabah, Datuk Seri Salleh Said Keruak, turut mengulas mengenai tinjauan Merdeka Center yang telah dijalankan pada September lalu.

"Kerajaan memang serius dalam menangani isu pendatang tanpa izin dan semua pihak perlu memberi sokongan mereka," kata timbalan pengerusi perhubungan Umno Sabah itu.

"Tentang pendatang haram, Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) telah memulakan misinya dan harus dibiarkan kepada kebijaksanaan ahli-ahlinya untuk menjalankan tugas mereka, dan jika terdapat sebarang rungutan, boleh pergi dan bertemu mereka," kata Salleh dalam emel yang dikirimkan kepada The Malaysian Insider.

Beliau berkata rakyat perlu "membenarkan" anggota RCI untuk menjalankan tugas mereka dan "melihat apa cadangan mereka pada akhir tugas nanti."

Salleh juga berkata: "Tidak adil untuk mengatakan bahawa terdapat kurang pembangunan apabila sebahagian besar daripada bajet negeri, disokong oleh pembiayaan persekutuan, pergi ke semua jenis pembangunan."

"Melihat secara objektif, kajian ini memberikan peluang kepada BN Sabah untuk mengetahui apa di minda rakyat dan mengambil tindakan proaktif untuk menangani isu-isu tertunggak."

"Jika apa yang telah dilaporkan betul, maka BN Sabah mesti mengambil kira keadaan dan mengambil langkah-langkah untuk membetulkan salah tanggapan tentang ketinggalan dalam pembangunan."

Beliau juga pernah berkata bahawa "pembangunan dan infrastruktur setempat tidak sering ditonjolkan dalam media", walaupun infrastruktur negeri telah "pesat" dibangunkan.

"Tetapi ia adalah benar bahawa sesetengah masalah tidak boleh diselesaikan dalam sekelip mata, ia adalah mendalam dan apabila langkah-langkah diambil untuk membersihkan perkara itu, sesetengah orang akan gembira tetapi akan ada juga orang lain akan membantah."

Hakcipta © 2012 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/bn-sabah-serius-melakukan-terbaik-untuk-negeri-tersebut/>